

Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz

Maisarah Thulhuda binti Mat Jafri¹, Mohd Faizulamri bin Mohd Saad² & Sabri bin Mohamad³

Email: ¹maisaratulhuda@gmail.com, ²faizam@ukm.edu.my & ³sabri_m@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

^{2&3}Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

Abstrak

Tadabbur al-Quran adalah proses interaksi terhadap al-Quran yang bersifat universal. Terdapat pelbagai kelebihan dan kebaikan sekiranya tadabbur disertakan ketika membaca al-Quran lebih-lebih lagi kepada golongan penghafal al-Quran. Namun, realiti menemukan bahawa pelajar tahfiz sendiri tidak menunjukkan usaha dalam mencari makna ayat, sebaliknya hanya menumpukan terhadap hafazan. Situasi ini menunjukkan bahawa proses tadabbur tidak berlaku sedangkan tadabbur al-Quran merupakan syarat utama untuk mencapai objektif al-Quran diturunkan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keutamaan amalan tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan tadabbur dengan hafazan al-Quran khususnya dalam bab kefahaman makna ayat. Secara keseluruhannya, tadabbur al-Quran mampu memberikan impak yang positif kepada pelajar tahfiz daripada sudut pemahaman, penghayatan serta pengamalan terhadap ayat-ayat al-Quran. Justeru, kajian ini perlu ditinjau dengan lebih dalam supaya dapat melihat sejauh mana tadabbur al-Quran menjadi keutamaan terhadap pelajar tahfiz di Malaysia.

Kata Kunci: *Pelajar Tahfiz, Tadabbur, al-Quran, Hafazan, Tahfiz di Malaysia.*

The Priority of Tadabbur Practices towards Tahfiz Student

Abstract

Tadabbur al-Quran is a process of interaction with Quran. There are various advantages if *tadabbur* is included when reading the Quran especially in Quranic memorization. However, the reality finds that the student tahfiz himself does not attempt to find the meaning of the verse, but rather only focus on the hafazan. This situation shows that the process of *tadabbur* does not occur while the Quran is a major requirement to achieve the objective of the Quran. The purpose of this study is to examine the priority of *tadabbur* to the tahfiz students. This study is a qualitative study in descriptive document analysis. The findings show that there is a significant positive relationship between the practice of *tadabbur* and the memorization of the Quran especially in the chapter of understanding the meaning of the verse. In general, the Quran has provided a positive impact on tahfiz students from the perspective of understanding, appreciation and practice of Quranic verses. Therefore, this study needs to be looked into in order to see the preferences of *tadabbur* towards student of tahfiz in Malaysia.

Keywords: *Tahfiz students, Tadabbur, al-Quran, Memorization, Tahfiz in Malaysia.*

1. Pengenalan

Tadabbur al-Quran merupakan salah satu matlamat agung penurunan al-Quran. Al-Quran diturunkan supaya manusia dapat menghayati ayat-ayat Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surah Sad ayat 29 yang bermaksud:

Ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatNya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran.

Ayat tersebut menyatakan bahawa peringatan dan pelajaran dapat diambil serta dipraktikkan melalui perbuatan *tadabbur* ayat-ayat al-Quran.

Perkembangan institusi tahfiz di Malaysia merupakan satu fenomena positif yang berlaku dan mendapat tempat yang baik dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Faktor hasrat ibu bapa yang mahukan

anak-anak menjadi seorang hafiz al-Quran juga turut menyumbang kepada perkembangan institusi tahfiz ini (Zulkifli Mohd Yusoff et al.2018).

Namun begitu, penekanan aspek kefahaman makna ayat al-Quran dalam institusi pendidikan tahfiz dilihat tidak dititik beratkan dalam kalangan pelajar. Realitinya dapat dilihat dalam kajian Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri (2012) yang menunjukkan bahawa pelajar tahfiz kurang berusaha untuk mencari makna ayat. Hal ini juga membimbangkan mengenai bagaimana tahap penguasaan waqaf ibtida mereka kerana perkara ini berkaitan dengan makna ayat.

Kertas kerja ini menggunakan reka bentuk kajian analisis dokumen yang akan membincangkan mengenai keutamaan amalan tadabbur terhadap pelajar tahfiz khususnya ketika sesi menghafal al-Quran. Keutamaan amalan tadabbur dilihat melalui aspek keperluan, kepentingan dan kelebihan tadabbur kepada pelajar tahfiz. Justeru, kajian ini menumpukan terhadap sejauh mana amalan tadabbur al-Quran perlu diutamakan oleh pelajar semasa mereka menghafal al-Quran.

2. Pengertian Tadabbur

Tadabbur adalah perkataan yang berasal daripada bahasa arab melalui kata dasar *dabbara* yang bermaksud penghujung bagi sesuatu, dibelakang dan penelitian kepada penghujung dan perkara selepasnya (Nurul Zakirah 2014). Perkataan tadabbur di dalam al-Quran pula merujuk kepada penelitian dan memahami apa yang disebalik makna ayat al-Quran. Oleh sebab itu, terma tadabbur ini adalah sinonim dengan tadabbur al-Quran. Terdapat empat tempat di dalam al-Quran yang dinukilkan perkataan tadabbur iaitu pada surah Surah al-Nisa' ayat 82, Surah Muhammad ayat 24, Surah al-Mukminun ayat 68 dan Surah Sad ayat 29. Kesemua ayat ini menjelaskan mengenai keutamaan memahami makna-makna dan peringatan daripada al-Quran.

Al-Ahdal (2008) menerangkan pengertian tadabbur adalah kefahaman terhadap al-Quran yang dibaca berserta kehadiran hati dan konsentrasi diri serta mengamalkan isi kandungannya. Al-Qaradawi (1999) menjelaskan bahawa cara untuk berinteraksi dengan al-Quran adalah dengan cara menghafal, membaca, mendengarkan, pemahaman menerusi tafsir dan mengamalkannya serta berdakwah dengannya. Menurut Rohana Zakaria et al. (2015) matlamat dan tujuan al-Quran diturunkan adalah untuk ditadabburi, difahami, dihayati dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan manusia. Konsep tadabbur yang dinyatakan oleh para ilmuwan terdahulu mahupun masa kini tidak mempunyai banyak perbezaan di antara mereka. Tadabbur bermaksud memikirkan disebalik sesuatu iaitu akibatnya (al-Qaradawi 1999), renungan dan memikirkan secara mendalam terhadap makna al-Quran (al-Lahim & al-Ruwaisiyid 2016; Abdul Muhsin 2017), mengkaji serta menghayati setiap ayat yang difahami secara berulang-ulang kali (Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff, 2012; Fazrul Ismail & Ariff Jauhar 2017) serta dapat mengamalkan hasil tadabbur dalam konteks kehidupan seharian. Sehubungan dengan itu, tadabbur al-Quran perlu diperluaskan sarannya kerana ia merupakan tuntutan yang seringkali diabaikan (Abdul Muhsin 2017).

Selain itu, tadabbur juga membawa erti memerhatikan ayat secara mendalam dan bukan aktiviti menggunakan otak sahaja tetapi ia adalah praktikal yang terbina daripada kefahaman yang betul dan tepat. Justeru, praktikal yang betul terbias daripada kefahaman yang jelas terhadap makna nas al-Quran dan kefahaman terhadap tujuan dan saranan kefahaman yang mudah dan mendalam (Al-Alouwany 2008). Di samping itu juga, Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff (2012) meringkaskan pengertian tadabbur kepada maksud proses pemerhatian dan penelitian terhadap ayat secara berulang-ulang, berfikir maksud ayat secara intensif kemudian memahami dan menghayati makna ayat al-Quran dalam konteks kehidupan.

Oleh yang demikian, tadabbur al-Quran adalah proses berfikir secara bersungguh-sungguh dan mendalam terhadap memahami makna ayat al-Quran serta menghasilkan penghayatan dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian melalui penelitian ayat-ayat al-Quran.

3. Keperluan Tadabbur al-Quran

Membaca al-Quran dengan tadabbur merupakan antara adab dalam pembacaan al-Quran menurut Imam Nawawi (al-Nawawi 2015). Menurut Abdul Muhsin (2017) terdapat lima perkara yang menjadi kewajipan terhadap al-Quran iaitu mendengar, tilawah, menghafal, tadabbur dan beramal serta berhukum dengannya. Beramal dengan al-Quran merupakan natijah daripada tadabbur manakala melalui mendengar, tilawah dan menghafal al-Quran adalah jalan kepada tadabbur al-Quran. Tadabbur adalah elemen yang penting dalam pembelajaran al-Quran lebih-lebih lagi dalam konteks menghafal al-Quran. Antara faktor yang menyumbang kepada keperluan tadabbur terhadap pelajar tahfiz adalah:

a) *Mendengar al-Quran dengan Konsentrasi*

Mendengar al-Quran sehingga terkesan di hati adalah tanda *tadabbur* terhadap al-Quran. Jika dibacakan al-Quran, kita dituntut untuk diam dan mendengarnya dengan penuh perhatian. Mendengar dengan teliti dan penuh konsentrasi adalah amalan yang membantu untuk memperkukuhkan hafazan melalui pancaindera pendengaran. Kajian Nor Musliza et.al (2016) menyatakan bahawa gaya pembelajaran pelajar tahfiz adalah berdasarkan elemen VARK iaitu *visual* (penglihatan), *audio* (pendengaran), *reading* (pembacaan) dan *kinesthetic*(pergerakan). Ini menunjukkan bahawa elemen pendengaran adalah salah satu gaya dalam pembelajaran tahfiz. Di samping itu, melalui aktiviti mendengar al-Quran ia mampu meningkatkan konsentrasi terutamanya dalam pembelajaran (Very Julianto et.al 2016). Konsentrasi adalah penting dalam konteks pelajar tahfiz kerana aktiviti menghafal al-Quran memerlukan kepada daya fokus yang tinggi.

b) *Menjaga Setiap Huruf al-Quran semasa Tilawah*

Tilawah adalah elemen dalam *tadabbur* al-Quran yang membawa pembacanya kepada ketelitian dalam pembacaan al-Quran. Al-Lahim & al-Ruwaisiyid (2016) menjelaskan bahawa kunci *tadabbur* itu ada bacaan yang *tartil*. Penelitian ketika membaca al-Quran adalah dengan menjaga setiap huruf supaya dibaca dengan tertib dan tajwid yang betul. Tilawah al-Quran diperlukan ketika proses menghafal al-Quran dan ia termasuk dalam aspek berkaitan neurologi yang juga merupakan strategi dalam pembelajaran tahfiz (Intan Zakiah & Munif Zarirrudin, 2016). Sehubungan dengan itu, penyertaan *tadabbur* ketika tilawah al-Quran adalah perbuatan yang membantu dalam berhati-berhati ketika mengalunkan bacaan al-Quran. Sekiranya sebutan dalam bacaan al-Quran tidak dilafazkan dengan tepat, di situ sudah menunjukkan bahawa *tadabbur* tidak berlaku kerana salah sebutan menyebabkan kesalahan pada makna serta tiada berlaku penelitian dalam pembacaan. Oleh itu, *tadabbur* al-Quran membantu pembaca untuk sentiasa ingat dan sedar supaya menjaga setiap sebutan daripada huruf al-quran.

c) *Memahami Ayat yang dibaca dan dihafal*

Hakikat *tadabbur* berlaku semasa proses faham terhadap ayat-ayat al-Quran (Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff, 2012). Kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam menghafal dan mengukuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna kalimat pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafal semasa amalan *takrar* (Azmil Hashim et.al 2014). Oleh itu, usaha *tadabbur* al-Quran membantu pelajar tahfiz terutama dalam proses memahami ayat al-Quran.

d) *Menghayati dan Merasa Khusyuk dalam Pembacaan*

Kesan daripada *tadabbur* al-Quran adalah menimbulkan penghayatan dan kekhusyukan dalam pembacaan al-Quran. Menurut Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff (2012) membaca dengan penuh penghayatan hati berada dalam tahap awal dalam proses *tadabbur* dan ia berlaku ketika seseorang membaca dengan hati atau ketika meneliti penulisan ayat pada mushaf al-Quran. Keadaan ini selari dengan kaedah pembelajaran tahfiz yang memerlukan penambahbaikan khususnya dalam kaedah tadarus hafazan untuk pengukuhan kesahihan bacaan (Azmil Hashim et.al 2014). Oleh itu, *tadabbur* al-Quran membantu pelajar tahfiz dalam mengukuhkan hafazan mereka.

e) *Beramal dengan Wahyu*

Rohana Zakaria (2015) menyatakan bahawa beramal dengan isi kandungan al-Quran berserta perintah daripada Allah SWT merupakan salah satu objektif utama al-Quran diturunkan. Beramal dengan al-Quran juga adalah natijah *tadabbur* al-Quran iaitu satu proses yang menyedarkan untuk menterjemahkan ayat-ayat yang dibaca dan dihafal dalam kehidupan. Faktor yang menyumbang kepada perkembangan institusi tahfiz juga adalah untuk melahirkan huffaz profesional yang mempraktikkan segala yang dipelajari dan menyumbang bakti dalam kalangan masyarakat (Zulkifli Mohd Yusoff et.al 2018). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa elemen *tadabbur* al-Quran adalah praktikal yang signifikan dalam rangka meningkatkan kualiti dan mutu pelajar tahfiz untuk menyumbang tenaga dan bakti terhadap masyarakat yang memerlukan bimbingan terutama ilmu al-Quran.

3. Kepentingan Tadabbur

Ayat-ayat al-Quran mampu memberikan peringatan serta pengajaran terhadap umat manusia. Terdapat pelbagai kepentingan *tadabbur* yang diuraikan oleh para sarjana dalam konteks berinteraksi dengan al-Quran. Antara kepentingan *tadabbur* yang dapat disatukan temanya adalah:

a) *Menyahut Suruhan Allah SWT*

Allah SWT menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk ditadabbur iaitu memperhatikan setiap kalimat-Nya secara mendalam. Menurut al-Ahdal (2008) kepentingan *tadabbur* adalah dapat menggerakkan hati supaya dapat menyahut serta melaksanakan segala perintah daripada Allah SWT. Tujuan asas *tadabbur* adalah untuk mencapai maksud penurunan al-Quran iaitu beramal dengannya serta melaksanakan suruhan dan larangan Allah S.W.T. Selain itu, Abas Asyafah (2014) menukulkan maksud hadith yang bermaksud tiada kesempurnaan ataupun kebaikan dalam bacaan al-Quran kecuali dengan *tadabbur*. Ini menunjukkan *tadabbur* merupakan elemen penting dalam konteks pembacaan al-Quran.

b) *Menambahkan Keimanan*

Membaca al-quran dengan tadabbur memberi kesan pada hati dan iman seseorang (al-Ahdal 2008). Orang yang beriman itu jika dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah S.W.T maka bertambahlah iman mereka. Melalui *tadabbur*, keimanan seseorang mampu ditingkatkan ketika mana melewati ayat-ayat yang menceritakan perihal hari kebangkitan, azab di neraka, nikmat di syurga dan yang lain-lain.

c) *Memperoleh Kekhusyukan*

Mendapat kekhusyukan adalah hasil daripada tadabbur. Barangsiapa yang mendapatkannya di dunia, maka dia mendapat ketenangan hati (al-Ahdal 2008). Sasaran utama *tadabbur* adalah kepada hati dan fikiran kerana hati menjadi landasan utama untuk terkesan dengan al-Quran (Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff, 2012). Oleh itu, dengan *tadabbur*, hati menjadi lebih khusyuk dan terasa nyaman.

d) *Menyempurnakan Petunjuk*

Al-Quran adalah petunjuk yang memimpin manusia ke arah jalan yang diredhai oleh Allah SWT. Hidayah tidak akan dapat diperoleh melainkan dengan beriman dengan Allah S.W.T. Hidayah menuntut kepada *tadabbur* ayat-ayat Allah SWT dengan berfikir mengenai maknanya dan rahsia serta perkhabaran-perkhabaran daripada al-Quran sehingga mendapat faedah daripadanya (al-Ahdal, 2008). Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff (2012) menukulkan kata-kata Ibnu Mas'ud yang bermaksud bahawa hati seharusnya dihidupkan dengan al-Quran kerana sekiranya tidak dihidupkan dengan al-Quran dibimbangi syahwat akan berkuasa menggerakkan hati untuk bermaksiat. Oleh yang demikian, melalui wasilah *tadabbur*, ia mampu menghidupkan hati yang dipandu oleh wahyu untuk mendapatkan petunjuk daripada Allah SWT.

e) *Merasai Kelazatan al-Quran*

Kelazatan al-Quran tidak akan dirasai sekiranya bacaan al-quran tidak disertai tadabbur (al-Ahdal 2008). Ianya dapat dirasai menerusi hati seiring dengan merasakan pertambahan iman dan ketenangan hati. Al-Quran yang dibaca seiring dengan tadabbur mampu memberikan kesan yang baik bagi emosi manusia. Melalui tadabbur, keagungan kalam Allah S.W.T dapat dirasai oleh sebab penghayatan terhadap setiap ayat yang di fahami.

3. Kelebihan Tadabbur

Tadabbur al-Quran mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam proses berinteraksi dengan al-Quran. Antara kelebihan *tadabbur* terhadap pelajar tahfiz adalah:

a) *Meningkatkan Kualiti Hafazan*

Institusi tahfiz kini berkembang seiring dengan penambahbaikan dalam proses pembelajaran tahfiz. Terdapat banyak pusat tahfiz yang menawarkan pembelajaran bukan sekadar menghafal al-Quran sahaja malah disertakan dengan pembelajaran yang lain. Kualiti hafazan pelajar merupakan perkara yang memerlukan perhatian pelbagai pihak untuk melahirkan generasi al-Quran yang akan menjadi tonggak utama negara di masa hadapan (Khairul Anuar 2018). Amalan *tadabbur* adalah inisiatif sendiri yang boleh dipraktikkan oleh pelajar ketika menghafal al-Quran dan ia mampu membantu dalam meningkatkan kualiti hafazan terutama dalam aspek pemahaman dan praktikal terhadap ayat al-Quran.

b) *Memberikan Daya Fokus yang Lebih Tinggi*

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan menjadi tenang dan perasaan khusyuk dapat dirasainya (Rohana Zakaria et.al 2018). Hati yang lapang dan khusyuk melambangkan penumpuan hati dan fikiran terhadap sesuatu perkara. Dalam proses pembelajaran tahfiz, talaqqi, iadah, pengujian mingguan, penulisan ayat dan pemahaman ayat merupakan kaedah yang kurang dipraktikkan (Mohd Jamalil et.al, 2017). Proses-proses tersebut memerlukan kepada daya fokus yang tinggi supaya

perkara tersebut dapat dipraktikkan dengan baik. Maka dengan itu, elemen tadabbur adalah elemen yang boleh membantu pelajar tahfiz dalam menumpukan perhatian mereka terhadap proses pembelajaran tahfiz yang lebih efisien.

c) *Meningkatkan Kefahaman terhadap Makna Ayat*

Pembelajaran al-Quran yang tidak disertai dengan kefahaman makna adalah satu kerugian walaupun hanya dengan menghafal sahaja kerana hafazan yang disertai kefahaman ayat yang dihafal mampu mengekalkan ingatan terhadap ayat hafazan dalam tempoh masa yang lama (Nor Musliza et.al 2016). Oleh yang demikian, wasilah *tadabbur* adalah perkara yang signifikan untuk diaplikasikan sekali bersama proses menghafal ayat al-Quran.

d) *Meningkatkan Spiritual Yang Positif*

Tadabbur al-Quran memberikan kesan yang baik terhadap jiwa manusia. Karakteristik pelajar tahfiz melalui sudut kesediaan spiritual merupakan sebahagian daripada asas penting dalam pencapaian hafazan al-Quran (Intan Zakiah & Munif Zarirrudin, 2016). Oleh itu, *tadabbur* al-Quran membantu dalam peningkatan pencapaian tahfiz menerusi aspek kesediaan spiritual.

e) *Persediaan Menghadapi Realiti Kehidupan*

Perkara utama yang perlu diketengahkan dalam isu tahfiz adalah kualiti para huffaz (Nordin Ahmad, 2018) iaitu para huffaz perlu berdepan dengan persepsi masyarakat yang memandang tinggi golongan penghafal al-Quran untuk pelbagai aspek kemahiran dalam bidang al-Quran. Realiti persepsi masyarakat terhadap golongan penghafal al-Quran adalah tinggi kerana mereka adalah generasi harapan untuk mengemudi negara di masa hadapan kelak. Peringkat tertinggi dalam amalan *tadabbur* adalah beramal dengan saranan al-Quran. Para huffaz yang mempunyai *tadabbur* yang tinggi terhadap al-Quran mampu menzahirkan peranan mereka daripada sudut amalan dalam konteks kehidupan seharian mahupun dalam kalangan masyarakat. Inilah realiti yang perlu ditempuh oleh seorang yang bergelar huffaz al-Quran.

4. Kesimpulan

Golongan penghafal al-Quran adalah aset negara yang perlu diberi perhatian yang serius terutama dalam aspek kefahaman dan penguasaan terhadap al-Quran yang telah dihafal. Penerapan elemen *tadabbur* al-Quran dalam proses pembelajaran tahfiz dilihat memberikan kesan positif terhadap pelajar tahfiz. Oleh itu, melalui kajian ini, *tadabbur* al-Quran adalah amalan yang perlu diutamakan untuk diaplikasikan dalam kalangan pelajar tahfiz dan seharusnya menjadi keutamaan bagi mereka ketika menghafal ayat-ayat al-Quran.

Penghargaan :

Artikel ini merupakan sebahagian penyelidikan yang dijalankan di bawah geran penyelidikan GGPM-2017-130.

RUJUKAN

- Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah, Nor 'Azzah, Nor Aini, Norhayati dan Naeimah Ramlan. 2018. *Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz*. Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia. Centre of Quranic Research(CQR) University Malaya.
- Khairul Anuar. 2018. *Majlis syuyukh dalam memperakukan tahap profesionalisme hafiz al-Quran*. Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia. Centre of Quranic Research(CQR) University Malaya.
- Rohana Zakaria, Fatin Nazmin dan Khairul Anuar. 2018. *Tadabbur Al-Quran: Implikasinya Dalam Meningkatkan Spiritual Pembaca Al-Quran*. <http://journal.kuis.edu.my/qiraat/wp-content/uploads/2018/05/jurnal-57-71.pdf>
- Mohd Jamalil, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina & Nor Hafizi. 2017. *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari.
- Fazrul Ismail dan Ariff Jauhar. 2017. *Nikmatnya Tadabbur Tazakkur*. Selangor: Abideen Publishing.
- Abdul Muhsin. 2017. *Mabadi' Tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: Al-Dairi al-Syarqi
- Al-Lahim & Ar-Ruwaisid. 2016. *Panduan Tadabbur al-Quran*. Solo:Kiswah Media
- Very Julianto, Rizki Putri Dzulqaida dan Siti Nurina Salsabila. 2016. *Pengaruh Mendengarkan Murattal Al*

- Quran Terhadap Peningkatan Kemampuan Konsentrasi*. Research Gate.
- Intan Zakiah & Munif Zarirudin. 2016. *Memahami Kepentingan Karakteristik Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek Hifz al-Quran*. Journal Hadhari. Penerbit UKM.
- Nor Musliza, Mokmin Basri dan Sedek Ariffin. 2016. *Gaya Pembelajaran Pelajar dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran: Satu Tinjauan*.
- Al-Nawawi. terj. Hakim Rosly. 2015. *Adab Berdamping dengan al-Quran*. Kuala Lumpur. PTS Publishing House.
- Rohana Zakaria, Hayati Hussin dan Adzam Rasdi 2015. *Tadabbur al-Quran: Syarat Utama yang Diperlukan Untuk Mencapai Objektif al-Quran*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.
- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. *Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar*. Journal of al-Quran and Tarbiyyah.
- Nurul Zakirah. 2014. *Definisi Qawaid al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan dengan Qawaid Tadabbur*. International Journal of Quranic Research.
- Abas Asyafah. 2014. *Konsep Tadabur al-Quran*. Cet. 2. Bandung. CV Maulana Media Grafika.
- Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri. 2012. *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education.
- Nurul Zakirah Mat Sin dan Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. *Konsep tadabbur: Suatu Kupasan*. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society.
- Hashim bin Ali Al-Ahdal. 2008. *'Ta'lim Tadabbur al-Quran al-Karim: Asalib Amaliah wa Marahil Manhajiyah'*. Universiti Ummul Qura, Makkah al-Mukarramah.
- Alouwany. 2008. *Tadabbur al-Quran al-Karim baina al-Nazariah wa al-Tatbiq*. T.t